

Bahasa Melayu di era mempengaruhi

Bahasa kebangsaan semakin meluas dalam kandungan platform digital

Oleh Nur Ardini Mohammad Najhan
bhrencana@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan bahasa Melayu dalam kandungan media sosial kini tidak lagi terbatas kepada penutur asalnya. Sebaliknya, semakin ramai mempengaruhi bukan Melayu memilih bahasa kebangsaan itu sebagai medium utama komunikasi mereka, sekali gus mencerminkan perubahan dalam landskap identiti dan interaksi sosial di platform digital.

Di TikTok, Instagram dan YouTube, bahasa Melayu bukan lagi sekadar bahasa perantara, sebaliknya sudah menjadi sebahagian daripada gaya kandungan yang lebih santai, dekat dengan audiens dan mudah difahami pelbagai lapisan masyarakat.

Perkembangan ini turut membuka perbincangan, sama ada penggunaan bahasa Melayu sekadar strategi untuk menarik tontonan, atau mencerminkan penerimaan lebih mendalam terhadap bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk.

Antara mempengaruhi bukan Melayu yang aktif menggunakan bahasa Melayu termasuk Meryun, Doktor Malar, Sam Lim dan Muniswaranharirama.

Pakar sosiologi Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Datuk Dr Sivamurugan Pandian, berkata penguasaan bahasa Melayu adalah salah satu elemen penting dalam pembentukan identiti nasional.

Katanya, ada tiga perkara yang harus mendasari identiti iaitu, menjunjung ketinggian perlembagaan, bangga menjadi warganegara dan ketiga fasih berbahasa Melayu.

"Hal ini menjadi satu kerangka pembentukan identiti seorang warga Malaysia. Jadi dalam konteks ini kita lihat bahasa itu bukan sekadar sebagai alat komunikasi, ia menjadi isyarat besar dalam pembentukan keindukan

identiti sosial," katanya.

Medium penyatuan kaum

Beliau berkata penggunaan bahasa Melayu dalam komunikasi harian termasuk di media sosial turut mengukuhkan perpaduan dan kefahaman antara kaum.

"Kita harus jujur melihat bahawa apabila bahasa itu diangkat untuk berhubung, berkomunikasi, bertutur dia menghantar satu mesej yang jelas iaitu kita berkongsi ruang dan identiti yang sama.

"Fenomena ini juga meningkatkan tahap integrasi interaksi kita, kemampuan berkomunikasi dengan pelbagai kumpulan etnik masyarakat dan yang penting di sini, ia boleh membawa kepada nilai faham hormat terima yang cukup besar dalam konteks pembinaan perpaduan negara kita," katanya.

Tambah beliau, walaupun bahasa-bahasa lain boleh digunakan tetapi sebagai kita tidak boleh berkompromi dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai asas pembinaan negara bangsa ini.

Malah beliau melihat bahasa Melayu menjadi jambatan perpaduan paling pantas untuk mendekatkan yang jauh dan menormalkan kebersamaan dalam

kalangan masyarakat aneka ragam seperti Malaysia.

Namun dari satu segi, mantan Pengerusi Lembaga Pengelola, DBP dan pakar linguistik, Profesor Emeritus Datuk Dr Awang Sariyan, berkata dari segi kesedaran berbahasa, masih berlaku penggunaan bahasa rojak, singkatan melampau serta struktur ayat yang tidak menepati piawaian bahasa.

Beliau berkata, percampuran bahasa adalah hal biasa dalam evolusi bahasa, terutama apabila terdedah kepada persekitaran media sosial yang luas.

"Hal ini adalah sebahagian daripada evolusi bahasa, kerana hampir semua bahasa yang terdedah kepada media sosial mengalami fenomena percampuran bahasa," katanya.

Tanggungjawab sosial

Tambahnya, dalam linguistik, fenomena itu dikenali sebagai bahasa 'pidgin' dan kreol yang lahir daripada pertembungan bahasa dalam penggunaan harian.

Justeru, katanya amat penting untuk kekal memelihara penggunaan bahasa Melayu dalam konteks rasmi seperti pendidikan dan pentadbiran supaya tidak terjejas oleh gaya bahasa media sosial.

Pada masa sama, beliau turut menekankan tanggungjawab sosial mempengaruhi yang mempunyai pengaruh besar terhadap golongan muda.

"Kedudukannya sebagai mempengaruhi, memberikan kesan kepada anak muda.

"Maka mereka perlu ada rasa tanggungjawab sosial untuk mengimbangi kepopularan dengan penggunaan bahasa yang betul," katanya.

Tambah Awang, fenomena ini juga memperjelaskan kedudukan bahasa Melayu yang kekal berperanan sebagai medium penyatuan penting dalam masyarakat berbilang kaum.

Namun, kekuatan perpaduan sebenar tetap bergantung kepada penghayatan nilai dalam kehidupan seharian, bukan sekadar berkomunikasi di alam digital.

Dalam era digital yang semakin berkembang, media sosial terus menjadi ruang pembentukan identiti generasi muda.

Bahasa yang digunakan bukan sahaja mencerminkan cara berkomunikasi, tetapi juga menggambarkan bagaimana masyarakat melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada identiti nasional yang lebih inklusif.

“

Kita harus jujur melihat bahawa apabila bahasa itu diangkat untuk berhubung, berkomunikasi, bertutur dia menghantar satu mesej yang jelas iaitu kita berkongsi ruang dan identiti yang sama”

Sivamurugan Pandian,
Pakar sosiologi
Universiti Sains Malaysia

“

Hal ini adalah sebahagian daripada evolusi bahasa, kerana hampir semua bahasa yang terdedah kepada media sosial mengalami fenomena percampuran bahasa”

Awang Sariyan,
Pengerusi Lembaga Pengelola
DBP dan pakar linguistik



